

16/08/1997

IWK derma 500 pokok

KUALA LUMPUR, Jumaat - Indah Water Konsortium (IWK) menyumbang 500 batang anak pokok dan 2,000 kilogram perapi tanah organik kepada Majlis Daerah Raub (MDR) sempena program Hari Pembersihan Seluruh Negara.

Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi IWK, Mirza Mohamed Tariq, berkata sumbangan itu bertujuan menyokong Kempen Menanam Pokok Nasional yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 3 Mac lalu.

"Usaha ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial syarikat bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan menjayakan program kebersihan dan mengindahkan persekitaran di peringkat daerah," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

(END)